



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN AKHBAR**

**SME CORP. MALAYSIA BIMBING SYARIKAT BIOTEKNOLOGI  
MENJADI BERTARAF DUNIA**

**[Jumaat, 9 September 2016]** - SME Corp. Malaysia, yang melaksanakan Inisiatif Bionext di bawah Program Berimpak Tinggi 5 (HIP 5), Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2012-2020, mensasarkan kewujudan dan pembangunan PKS yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik terutamanya di dalam persekitaran perniagaan yang lebih sengit masa kini.

Program Pemangkin (HIP 5) bertujuan untuk memupuk dan mengintegrasikan pertumbuhan tinggi PKS Malaysia ke dalam rantaian bekalan global. Inisiatif ini adalah sejajar dengan kepentingan PKS sebagai tulang belakang ekonomi negara, di mana PKS merangkumi 98.5% daripada jumlah keseluruhan entiti perniagaan di Malaysia, dan menyumbang 36.3% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 65% pekerjaan dan 17.8% eksport.

Salah satu PKS yang terpilih untuk mendapatkan bantuan bagi Inisiatif Bionext ini adalah Algaetech International Sdn. Bhd. yang beroperasi di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil. Algaetech merupakan syarikat pengeluar alga yang menghasilkan produk Astaxanthin dengan super anti-oksida, produk bernilai tinggi dengan potensi yang besar di pasaran.

Sepanjang terlibat dalam program ini, Algaetech telah melaksanakan pelan tindakan perniagaan dengan bimbingan pelbagai pihak serta menerima bantuan kewangan dalam bentuk Geran Bersamaan Inisiatif BioNext (BIMG) yang disalurkan oleh SME Corp. Malaysia melalui Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia.

Bantuan yang diberikan adalah bertujuan untuk membangunkan PKS yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi serta mencapai taraf “world class Malaysia home-grown bio-based company” menjelang tahun 2020.

Dengan perasmian fasiliti baru Algaetech yang disempurnakan oleh YB Datuk Haji Ahmad Maslan, Timbalan Menteri MITI hari ini, Algaetech bakal merealisasikan potensinya sebagai salah satu pengeluar terbesar alga. Majlis tersebut turut dihadiri oleh wakil MITI dan MOSTI serta Agensi-agensi yang berkaitan seperti SME Corp. Malaysia, Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia dan Taman Teknologi Malaysia (TPM).

Dalam majlis yang sama, pertukaran Perjanjian Persefahaman (MoU) pembekalan produk-produk berasaskan Astaxanthin bersama dengan syarikat Indonesia INAUNEW dan Bio-Life Marketing turut diadakan. Pertukaran Perjanjian pembekalan ini dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Algaetech, Dato Paduka Syed Isa Syed Alwi bersama-sama dengan Direktor Utama INAUNEW, Beharnit Hondo dan Pengurus Besar Bio-Life, Steven Chin.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 ([amysarah@smeCorp.gov.my](mailto:amysarah@smeCorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smeCorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smeCorp.gov.my)).

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur.

Telefon: 603-2775 6000 Faks: 603-2775 6001

<http://www.smeCorp.gov.my>  
e-mail: [info@smeCorp.gov.my](mailto:info@smeCorp.gov.my)

## **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.